

# Kumpulan silat <sup>2</sup> rancang anjur - 3 NOV 1989 perkemahan

KUMPULAN Seni Silat Sending Pukulan yang baru ditubuhkan pada Ahad lalu, merancang mengadakan satu perkemahan sempena cuti persekolahan. **PENCAK SILAT**

Perkemahan itu akan berlangsung dari 2 hingga 6 Disember ini di tapak perkhemahan Persatuan Rakyat, East Coast Park dan bertujuan memberi peluang kepada para pesilat setempat berkenal-kenalan antara satu dengan lain sambil mengeratkan silaturahim.

Ia akan diserikan dengan pelbagai acara termasuk menguji kepintaran para pesilat dalam mempersembahkan kesenian silat dan majlis penyampaian bingkong kepada para peserta yang berjaya.

Di samping itu, satu kertas kerja mengenai unsur-unsur teknik persilatan olahraga akan dibentangkan oleh dua orang guru silat, Encik Sulaiman Wakijo dan Encik Jasni Salam.

Mereka yang berminat menyertainya boleh menghubungi Encik Jasni atau Cik Rubiah Selamat menerusi telefon 758-5530 dan Encik Sulaiman Wakijo, telefon 452-1293, tidak lewat dari 11 November ini.

## KEJUARAAN KEBANGSAAN V

# Selangor bertindak sebagai penyelamat

... masalah kewangan punca Melaka tarik diri

Oleh MOHD RAHIME YUSOFF

SELANGOR yang dijadikan bidan terjun oleh Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) pada dasarnya bersetuju menjadi tuan rumah Kejuaraan Silat Kebangsaan V, musim ini.

Bagaimanapun, Majlis Seni Silat Negeri Selangor (MSSNS) mahu Pesaka memberi tawaran rasmi dan turut membantu negeri itu menjayakan kejuaraan berkenaan.

Kesediaan Selangor itu, berikutan Melaka menarik diri secara mendadak kerana dikatakan menghadapi masalah kewangan untuk mengajur kejuaraan besar berkenaan.

Sedangkan, Majlis Gabungan Seni Silat Negeri Melaka (MGS-SNM) sebelum ini beria-ia untuk menjadi tuan rumah, sejak berakhir kejuaraan kebangsaan di Port Dickson, Julai tahun lalu.

Setiausaha MSSNS, Idris Abdullah, berkata jika Selangor diberikan tanggungjawab ini, jangan terlalu mengharapkan kejayaan paling sempurna.

Ini katanya, Selangor tidak ubah seperti 'bidan terjun' yang hanya diperlukan pada saat terakhir, selepas orang lain menarik diri.

Bagaimanapun tambah beliau, demi menyelamatkan warisan nenak moyang dan maruah sukan ini, Selangor sedia menawarkan diri sekalipun dalam keadaan terlalu daif.

"Kami akan berikhtiar mencari wang untuk menyempurnakan kejuaraan ini. Tetapi, jangan terlalu mengharapkan layanan yang begitu istimewa," kata Idris.

Idris berkata, memang pada cadangan awal sebelum ini, Selangor turut berminat untuk menjadi tuan rumah, musim ini. Ini kerana Selangor menjadi juara keseluruhan pada tahun lalu.

Tetapi katanya, pihaknya terpaksa memendam rasa setelah mengetahui Pesaka memberi peluang itu kepada Melaka yang begitu beria-ia.



"Pada awalnya, kami benar-benar kecewa dengan tindakan Melaka yang menarik diri selepas memberi kesanggupan sebegitu lama," jelas beliau.

Jika Selangor menjadi tuan rumah, peluang untuk mengekalkan kejuaraan adalah lebih cerah kerana hampir separuh pesilat kebangsaan berasal dari negeri itu.

Malah, MSSNS mendapat sokongan padu dari Menteri Besar, Tan Sri Haji Muhamad Haji Muhd Taib dalam mengembangkan seni silat di negeri itu.

*Harian Sukan* difahamkan, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sedia menampung sedikit perbelanjaan jika Selangor sedia menjadi tuan rumah.

Sementara itu Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan, berkata kejuaraan tahun ini perlu diadakan bagi memilih pesilat kebangsaan untuk menghadapi Kejuaraan Jemputan Brunei pada Mac, Kejuaraan Dunia di Surinam (Ogos) dan Terbuka Malaysia (Disember).

Katanya, jika Selangor gagal memikul tanggungjawab ini, Pesaka terpaksa bertindak sendiri mengajur kejuaraan ini demi menyelamatkan maruah silat olahraga.

Bagaimanapun, beliau percaya Selangor bersedia untuk menjadi tuan rumah sekalipun tanpa persediaan yang rapi.

4 NOV 1989